

Headline	Kisah penulis yang tidak percaya adanya Tuhan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	459,793
Page No	10	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,825
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,476



Kisah penulis yang tidak percaya adanya Tuhan

ADA kalanya seseorang penulis Barat yang terkenal berubah-ubah pendirian politiknya setelah menempuh pelbagai pengalaman. Demikian halnya dengan Christopher Hitchens yang meninggalkan dunia baru-baru ini.

Bukunya yang termasyhur ialah *God is Not Great: How Religion Poisons Everything* yang terbit pada tahun 2007.

Beliau asalnya warga British dan menjadi warga Amerika pada tahun 1981, tetapi terus menyimpan pasport British.

“Dulunya dari pihak sayap kiri British beliau kemudian menjadi warga Amerika yang neo-konservatif,” demikian dicatat oleh seorang wartawan British yang mewawancaranya

Hitchens lahir pada 13 april 1949, pada mula penulis dari pihak sayap kiri dan sosialis. Setelah berlaku revolusi komunis pada tahun 1917 di Rusia beliau menjadi penyokong Trotsky yang berpendapat bahawa arus revolusi mesti berlaku di pelbagai negara.

Sebaliknya Stalin menumpukan perjuangan komunis di Rusia saja dan berjaya selanjutnya. Trotsky kemudian mati dibunuh ketika dalam pelarian di Mexico.

Antara penulisan Hitchens ialah kritikan terhadap perang Vietnam yang melibatkan Amerika dan terhadap bekas Setiausaha Negara Amerika dalam bukunya, *The Trial of Henry Kissinger*. Hampir kesemua penulis sorotan buku kemudian mengkritik buku tersebut.

Di samping itu beliau kerap mengkritik bekas Presiden Amerika, Bill Clinton yang dikenali ketika keduanya melanjutkan pelajaran di Universiti Oxford.

Selanjutnya pula beliau menyokong Perang Iraq dan menjadi sahabat Paul Wolfowitz, tokoh non-konservatif Amerika yang berperanan mencetus peperangan tersebut.

Gagal

Beberapa pengalaman beliau dicatat oleh Wikipedia ensiklopedia bebas, termasuk kenyataannya kepada sebuah majalah bahawa ia tidak boleh lagi menganggap dirinya sosialis.

Golongan sosialis, beliau mendakwa gagal melahirkan pilihan lain dari sistem kapitalis. Dalam pada itu beliau terus memuji Lenin pemimpin yang menegakkan pemerintahan komunis di Rusia. (Pemerintahan Komunis tumpas pada tahun 1991).

Juga dicatat ialah debat antara beliau dengan Tony Blair, bekas Perdana Menteri British yang memihak Roman Katholik.

Debat berlaku pada bulan November 2010 di Toronto, Canada. Blair berhujah bahawa agama adalah sesuatu kekuatan yang baik tetapi Hitchens menentangnya.

Dalam bukunya, *God is Not Great* beliau mengkritik agama Kristian, Yahudi dan Islam. Juga dikritik ialah Ayatollah Khomeini.

Hitchens juga mengatur demonstrasi pro-Denmark setelah sebuah akhbar Denmark menyiarkan pelbagai kartun yang mencaci Nabi Muhammad.

Pada tahun 2010 beliau menanggungkan kempen penjualan bukunya kerana menjalani rawatan sakit kanser.

Hitchens kemudian berkata ia, “bertuah kalau hidup lima tahun lagi”.

Menurut laporan Hitchens hanya mengetahui ia berketurunan Yahudi ketika berumur lewat 40 tahun dan ia kemudian tidak lagi bersikap anti-Israel.


Headline	Kisah penulis yang tidak percaya adanya Tuhan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	459,793
Page No	10	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,825
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,476

Setelah berpindah ke Amerika beliau menulis untuk beberapa majalah termasuk *The Atlantic* dan *Vanity Fair* yang laris.

Beliau juga menjadi ahli lembaga penasihat sebuah pertubuhan organisasi Sekular Amerika. Pada tahun 2007 beliau menulis beberapa majalah atas tajuk "*Is Christianity Good for the World*".

Adiknya Peter Hitchens, tetap Kristian dan juga penulis. Mereka pernah berseisih faham, tetapi kemudian berbaik semula.

Dilaporkan beberapa waktu lalu ialah nama-nama penulis lain yang juga tidak percaya adanya Tuhan -- Richard Dawkins (*The God Delusion*), Sam Harris (*The End of Faith: Religion, Terror and the Future of Reason*). Tiada yang seumpama dari para penulis agama-agama lain.



Tan Sri Mazlan Nordin

ialah Karyawan Tamu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).